



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 07

Siri : 1436H/02 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan: Jamadil Akhir - Rejab 1436H

Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid
Sheikh Ahmad
Presiden IKRAM

BAITUL MUSLIM MEMACU KEJAYAAN DAKWAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين ، محمد بن عبد الله ، سيد الداعين إلى الله على بصيرة ، والمجاهدين فيه بإحسان ، وعلى آله وأصحابه ومن والاه .. وبعد

Segala puji dan syukur Wassalam...

Bertemu kembali ikhwah dan akhawat pada keluaran buletin Tarbiatuna siri ke tujuh ini dengan tema yang lebih mantap iaitu ke arah memperkukuhkan baitul muslim di kalangan ahli IKRAM. Seperti difahami Imam Hassan Al Banna telah meletakkan maratib amal selepas membangun individu muslim ialah membina keluarga muslim yang mantap.

Dari binaan individu dan keluarga muslim yang mantap akan lahirlah masyarakat yang islami, masyarakat yang mantap dari sudut akidahnya, akhlakunya. Masyarakat yang boleh mencorakkan bi'ah persekitaran mereka kepada suasana yang boleh membawa ketaatan kepada Allah ﷻ.

Dalam keluaran kali ini banyak isu-isu yang sangat relevan dalam usaha kita untuk memperkuat baitul muslim yang disentuh antaranya peranan baitul muslim dalam menjayakan manhaj taghyir dan islah dalam masyarakat, rumahtangga Rasulullah ﷺ, rumahtangga Imam Al-Banna serta hasil kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Ikram (IKKI).

Semoga dengan isu-isu yang diketengahkan pada kali ini dapat dijadikan panduan dan tauladan untuk membina Baitul Muslim yang mantap sebelum kita melangkah ke fasa dakwah masyarakat yang lebih terbuka sifatnya dan berbeza karehannya. Marilah kita jadikan baitul muslim serta penghuninya iaitu isteri dan anak-anak pewaris kepada dakwah ini . Bangunkanlah ia sebagai syurga yang menenangkan penghuninya setelah berpenat lelah di medan dakwah.

“ Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan ugama itu kepada anak-anaknya dan (demikian juga) Nabi Yaakob (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya “ Wahai anak-anakku ! Sesungguhnya Allah telah memilih ugama (Islam) ini menjadi ikutan kamu , maka janganlah kamu mati dalam keadaan islam” (Al-Quran 2:132)

Dari Meja Editor

Mutiara Al-Quran



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ


“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala)”

Surah Al-Tahrim : 6

Mutiara Hadith

... Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab ke atas orang yang dipimpinya..

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)



Mutiara Hikmah

Janganlah bercakap lebih nyaring daripada kadar yang dikehendaki oleh pendengar kerana percakapan yang nyaring itu adalah suatu perbuatan yang sia-sia malah menyakiti hati orang.

~Imam Hasan Al-Banna~



Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
Pengerusi JK Tarbiah Pusat

Maktabah Tarbiah




Ustazah Maznah Daud
Naib Ketua Wanita IKRAM



PERANAN BAITUL MUSLIM DALAM MENJAYAKAN MINHAJ TAGHYIR DAN ISLAH



*Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad,
Presiden IKRAM*



Keluarga merupakan satu institusi kemasyarakatan yang utama bagi masyarakat manusia. Ia menyediakan satu persekitaran yang akan mempengaruhi perkembangan manusia di dalamnya sama ada baik atau buruk, berjaya atau gagal.

Baitul muslim atau keluarga muslim sepatutnya merupakan satu unit masyarakat yang hidup di bawah naungan Islam, berpegang teguh dengan ajaran-ajarannya, menghayati bimbingannya sepanjang kehidupan.

Setiap anggota keluarga muslim ini sepatutnya berpegang dengan fikrah Islam yang menyeluruh, berpegang dengan adab-adab dan tata-susila Islam dalam semua penjelmaan kehidupan kekeluargaan mereka, di dalam rumah dan di luarnya.

Setiap mereka mengambil kedudukan tersendiri dan berperanan dengan peranan yang berbeza-beza tetapi saling sempurna menyempurnakan, kedudukan ibu bapa, kedudukan bapa dan ibu, suami dan isteri, anak-anak, abang, kakak dan adik. Belum lagi ipar lamai dan cucu cicit bagi keluarga yang besar.

Ia sepatutnya menyediakan satu persekitaran yang amat baik bagi pembesaran semua anak-anak, pembinaan hubungan kekeluargaan yang erat dan sihat, mendamaikan antara semua ahli keluarga, hubungan kasih sayang, silaturahim yang rapat, rasa tanggungjawab sesama mereka dalam semua keadaan, susah dan senang, santunan terhadap semua anggota keluarga pada setiap masa, rasa tenang dan senang sewaktu berada di tengah-tengah mereka.

Ia dapat menyuburkan potensi-potensi yang dimiliki dan kemahiran juga bakat yang diwarisi dari generasi sebelumnya, mengembangkannya ke satu tahap yang lebih gemilang sewaktu dipupuk dengan keprihatinan, bimbingan yang tinggi, pembajaan dan siraman kasih sayang yang berterusan.

Ia menyediakan satu ruang pergaulan yang saksama antara ibu bapa dan anak-anak, antara bapa dan ibu, suami dan isteri, adik beradik sesama mereka. Ruang pergaulan yang dapat memperteguh hubungan sesama mereka, hubungan kekeluargaan, kasih sayang, persaudaraan, kerjasama, saling membantu membangun diri, membangun keluarga agar dapat ikut serta membangun masyarakat dan umat ke satu tahap yang lebih mulia dan lebih sempurna.

Keutuhan masyarakat muslim dan umat banyak bergantung kepada keutuhan institusi-institusi keluarga di dalamnya, ia dapat berperanan sebagai tapak kepada usaha-usaha pengembangan perjuangan Islam yg kuat sewaktu ia diikuti dengan usaha-usaha gigih mendidik ahli keluarga, anak-anak, generasi baru di dalamnya yang akan mewarisi perjuangan, membajai mereka dengan asuhan dan didikan Islam yang sempurna, menaunginya dengan belaian kasih sayang, dokongan ahli keluarga yang prihatin.

Keadaan ini akan menjadikan keluarga muslim di atas sebagai contoh ikutan, idola kepada keluarga-keluarga lain, hingga kesemuanya mampu berperanan sebagai kilang yang akan melahirkan generasi baru yang terasuh, sebagai sebahagian daripada sebaik-baik umat manusia yang mampu melaksanakan misi Islam

kepada dunia dan manusia sejagat.

Bagi pejuang Islam keluarga yang sempurna akan dapat berperanan sebagai sebuah institusi perjuangan, yang akan menyediakan kem pendidikan dan latihan, tempat perlindungan yang boleh menyediakan mereka dengan bekalan logistik, bekalan semangat dan rundingan, rumah rehat sewaktu pulang dari medan juang, pusat operasi sebahagian kegiatan mereka bagi memajukan perjuangan, memperbaiki situasi Negara dan situasi kehidupan umat.

Membangun baitul muslim yang sempurna sebagai sebuah institusi perjuangan merupakan sebahagian daripada langkah-langkah yang diperlukan bagi mewujudkan perubahan dalam negara dan dalam perjalanan sejarah umat dan umat manusia. Berdirinya institusi-institusi keluarga muslim yang kuat akan memungkinkan terbinanya institusi masyarakat dan umat Islam yang kuat, yang bersatu, berkeupayaan memainkan peranan pembaikan dalam Negara, memenangkan agenda umat dan Islam di sana.

Dalam situasi yang berlainan, keruntuhan institusi-institusi keluarga muslim. Semua anggota keluarga akan berhadapan dengan situasi-situasi kehidupan yang sukar, atau yang memualkan, perhubungan sesama mereka yang tidak saksama, lesu yang menjemukan, atau penuh dengan perbalahan dan perkelahian. Satu suasana yang tidak akan memungkinkan pembesaran anak-anak dan perkembangan keluarga secara normal dan harmoni, kehidupan keluarga berlangsung dengan tenteram.

Situasi sebegini jika kekal, tidak berubah, akan menghasilkan masyarakat dan umat yang pasif, masing-masing

sambungan dari m/s 2

melepaskan pucuk sendiri, tak kisah dengan yang lain, tidak menampakkan kepedulian atau akan melahirkan masyarakat dan umat yang bermusuhan, bercakaran, dibelenggu berbagai-bagai siri pergaduhan sesama sendiri tanpa penghujung, kehidupan mereka berlangsung penuh dengan krisis, tiada keberkatan, menuju kehancuran.

Di sinilah letaknya kepentingan keluarga dan baitul muslim yang sempurna, sebagai asas penting dan utama bagi mewujudkan tapak perjuangan umat, menolak umat memasuki fasa

baru perjuangan ke arah mewujudkan perubahan kepada situasi dalam negara dan dunia, situasi kehidupan masyarakat, umat dan manusia.

Sesudah keluarga disempurnakan, barulah masyarakat dapat disantuni dengan sepenuhnya, Negara dapat ditolak ke hadapan membuat perubahan, menyusun manusia yang ada untuk di asuh dengan sempurna bagi membolehkannya memainkan peranan membangun umat baru secara keseluruhan dan Negara baru yang berbeza, yang mendaulatkan syariah Allah ﷺ dan menyampaikan risalah Islam yang

sempurna, membangun satu order baru yang adil untuk dunia dan sebuah tamadun kemanusiaan yang lebih sempurna.

Dari sini kita dapat melihat dengan jelas kepentingan peranan Baitul muslim dalam menjayakan minhaj taqyir dan islah dalam perjuangan Islam dan dalam sejarahnya. Tanpanya, masyarakat Islam tidak akan dapat digerakkan untuk melangsungkan perjuangan seterusnya memasuki fasa baru yang perlu di langungkan bagi menjana kejayaan perjuangan hingga ke titik akhirnya.

sambungan dari m/s 4

tanpa mempedulikan egonya, baginda mengutip sendiri pinggan yang dipecahkan di hadapan sahabat-sahabatnya sambil cuba mendamaikan keadaan.

3. Memahami dan peka kepada perasaan pasangan:

Diriwayatkan oleh Muslim, Rasulullah ﷺ bersabda kepada 'Aisyah r.a, " Sesungguhnya aku mengetahui bila kamu senang terhadapku, dan bila kamu sedang marah terhadapku. 'Aisyah ra berkata: Dari mana engkau mengetahuinya wahai Rasulullah ﷺ ?. Baginda menjawab: Bila kamu senang kepadaku, kamu menjawab, "Tidak, demi Tuhan(nya) Muhammad", tapi bila kamu sedang marah kepadaku, kamu berkata, "Tidak, demi Tuhan Ibrahim a.s". 'Aisyah ﷺ menjawab: "Ya, benar begitu".

4. Mengawal/bersifat rasional ketika marah:

Sifat Rasulullah ﷺ yang rasional dalam mengawal marah dapat dilihat ketika berlakunya peristiwa al-ifk ketika mana Saidatina 'Aisyah ﷺ telah difitnah. Saidatina 'Aisyah ﷺ telah ditimpa sakit akibat kesedihan difitnah oleh golongan munafik. Dalam keadaan begitu, Saidatina 'Aisyah ﷺ dapat merasakan kesedihan baginda Rasulullah ﷺ kerana baginda sudah tidak menunjukkan kemesraan. Namun begitu, walaupun runsing dan sedih dengan peristiwa yang berlaku,

baginda tidak sedikit pun berlaku kasar atau memarahi isterinya malah masih menjenguk Saidatina 'Aisyah ﷺ untuk mengucapkan salam dan bertanyakan bagaimanakah keadaannya sehinggalah peristiwa itu selesai dengan turunnya wahyu yang membuktikan kebenaran 'Aisyah ﷺ .

5. Berlemah-lembut/berhikmah dalam menegur pasangan

Banyak kisah-kisah yang mempamerkan bagaimana baginda Rasulullah ﷺ sangat berlemah lembut dengan isteri. Diriwayatkan ketikamana Saidina Abu Bakar ﷺ datang ke rumah baginda Rasulullah ﷺ, dilihatnya Saidatina 'Aisyah sedang meninggikan suara kepada baginda Rasulullah ﷺ. Lalu Saidina Abu Bakar ﷺ pun terus menghampiri dan memegang anaknya kerana marah. Melihat keadaan itu, baginda Rasulullah ﷺ terus meleraikan tangan mereka dikhuatiri Saidina Abu Bakar r.a berkasar terhadap isterinya. Sejurus Saidina Abu Bakar ﷺ pulang dari rumah baginda Rasulullah ﷺ, baginda pun cuba menjernihkan keadaan, tanpa sedikitpun berkasar dengan Saidatina 'Aisyah, baginda hanya berkata, "Aisyah, aku sudah meleraikan tanganmu dari ayahmu wahai 'Aisyah.." Lalu mereka pun berbaik semula. Lihat bagaimana berhikmah dan lemah-lembutnya baginda terhadap pasangan.

6. Memuji Pasangan

Menyebut-nyebut kebaikan untuk memotivasikan pasangan yang dalam kesedihan, atau sebelum memberi teguran kepada pasangan.

7. Menjadi pendengar yang setia kepada pasangan.

Selain kisah-kisah di atas, banyak lagi kisah dari rumahtangga baginda Rasulullah ﷺ yang boleh kita teladani. Mari kita sama-sama muhasabah diri, bagaimanakah layanan kita terhadap pasangan kita (bagi yang sudah berkahwin sahaja), yang adakalanya ianya lebih istimewa terhadap insan asing yang bukan mahram dibandingkan dengan pasangan yang halal untuk kita, yang semestinya merupakan insan yang paling maklum akan baik buruk dan kelemahan kita dan berjasa untuk kita. Teladanilah bagaimana tingginya penghargaan baginda Rasulullah ﷺ terhadap isteri pertamanya Saidatina Khadijah ummul mukminin walaupun sesudah pemergian beliau.

Moga kita sama-sama berusaha untuk mendalami dan mengenal lebih dekat lagi setiap sisi kehidupan baginda Rasulullah ﷺ, seperti dalam ilmu kekeluargaan, ke arah membentuk baitul muslim, yang mampu teguh menjadi medium, untuk meraih keredhaanNya.

Wallahu a'lam..~



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria,
Pengerusi JK Tarbiah Pusat

RUMAHTANGGA RASULULAH ﷺ

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن وآله وبعد

Setiap pasangan yang mendirikan rumahtangga, semestinya mengimpikan baitul muslim yang dibina akan kekal selama mungkin, insyaAllah hingga ke syurga. Namun, adakalanya hari yang disangka panas sampai ke petang, mungkin juga disapa hujan di tengah hari. Tidak dinafikan, adakalanya hujan yang menyapa mungkin juga merupakan rahmat, adakalanya perpisahan mungkin juga merupakan cara terbaik menyelesaikan masalah yang sudah menemui jalan buntu.

Dalam usaha untuk membina bahtera rumahtangga yang kukuh, apakah persediaan yang diperlukan oleh setiap pasangan? Antara yang terpenting ialah persediaan dari segi ilmu agama dan ilmu kekeluargaan. Sering kali kita lihat di kaca tv, program-program yang membincangkan isu kekeluargaan mengambil artis atau selebriti sebagai panel untuk memberikan pendapat dan berkongsi rahsia kebahagiaan masing-masing. Secara peribadi, saya kurang bersetuju dengan pendekatan sebegini, kerana dikhuatiri kita menjadikan contoh dan mengambil pendapat tentang sesuatu dari yang bukan 'ahlinya', yang malah belum cukup menegakkan agama dalam diri mahupun kehidupan seharian. Sebaiknya kita menyingkap kembali sirah baginda Rasulullah ﷺ, yang akhlak dan kehidupannya sudah terpandu, untuk kita jadikan contoh dalam setiap sisi kehidupan termasuk dalam ilmu rumahtangga.

Perkahwinan merupakan ikatan

yang menyatukan dua jiwa yang berbeza, di mana kedua-dua jiwa ini telah di adun oleh keluarga masing-masing, berlatar belakangkan suasana yang berbeza selama sekurang-kurangnya 20 tahun (anggaran), yang jika di fikir secara logik, mana mungkin mampu hidup dengan aman damai. Oleh itu, pentingnya bagi pasangan yang bakal berkahwin membetulkan cara memandang perkahwinan, yang hakikatnya ianya adalah medan untuk saling melengkapi, berkhidmat, bekerjasama, belajar memantapkan dan memperbaiki diri dalam meraih redha Ilahi, bukan sekadar hiburan alternatif untuk mengelakkan maksiat semata-mata.

Mari kita berkongsi antara petua-petua ke arah mewujudkan keharmonian dalam rumahtangga:

1. Meraikan minat/kesukaan/kegembiraan pasangan

Diriwayatkan dari An Nasaie, pada suatu hari, Saidina Abu Bakar ra ketika mendatangi rumah anaknya Saidatina 'Aisyah ؓ, terlihat ada dua orang anak perempuan sedang bermain rebana dan keduanya menyanyi. Dilihatnya baginda Rasulullah ﷺ menutup kepalanya dengan kain. Melihat kedatangan Abu Bakar ra, baginda membuka penutup kepala seraya berkata, "Wahai Abu Bakar, biarkan sahaja. Hari ini adalah hari raya." Dalam riwayat yang lain pula menceritakan bahawa baginda Rasulullah ﷺ juga pernah menemani Saidatina 'Aisyah ؓ menonton satu pertunjukan walaupun baginda tidak meminatinya. Namun baginda meraikan keinginan isterinya untuk menonton sambil membiarkan isterinya meletakkan dagu dibahunya. Dengan sabar baginda meraikan keinginan itu tanpa bersungut sebaliknya cuma bertanya, "adakah kamu sudah puas" dan hanya beredar sehingga isterinya mengiakann-

ya. Lihat bagaimana kesabaran baginda Rasulullah ﷺ dalam melayani dan meraikan minat/kegembiraan isteri walaupun baginda tidak meminatinya. Meraikan minat pasangan amat penting untuk diterapkan dalam sesebuah perkahwinan kerana kegagalannya dikhuatiri akan memberi ruang insan lain di luar mengambil alih tanggungjawab pasangan dalam meraikannya, lalu menjadi punca kepada goyahnya sesebuah rumahtangga.

2. Menyantuni kepelbagaian sifat pasangan:

Islam tidak menafikan sifat kemanusiaan, di mana lumrah setiap manusia ada sifat yang positif dan juga negatif. Namun, bagaimana patut seseorang itu menguruskan sifat negatif pasangan? Diriwayatkan oleh An-Nasaie, pada suatu hari, isteri baginda Rasulullah ﷺ, Ummu Salamah mengirinkan satu piring makanan untuk Rasulullah ﷺ dan sahabatnya. Kemudian, Saidatina 'Aisyah ؓ yang cemburu melihat makanan dari Ummu Salamah datang membawa seketul batu ditangannya lalu memecahkannya. Dengan tersenyum, baginda mempelawa sahabat-sahabat makan makanan yang disediakan sambil mengutip piring yang pecah itu seraya berkata, " jemputlah makan..ibu kalian sedang cemburu.." Kemudian, setelah sahabat-sahabat pulang, baginda menyerahkan piring dari Ummu Salamah yang pecah itu kepada Saidatina 'Aisyah ؓ manakala piring milik 'Aisyah ؓ pula diserahkan kepada Ummu Salamah bagi menggantikannya. Lihat bagaimana Rasulullah ﷺ, seorang pemimpin yang agung, mampu bersabar untuk menyantuni dan cuba memahami sifat cemburu isterinya. Baginda tidak merespons secara negatif terhadap kepelbagaian sifat pasangan, sebaliknya

bersambung di m/s 3



PERANAN MURABBI DALAM MENJAYAKAN BAITUL MUSLIM



Segala puji bagi Allah Rabb sekalian alam yang telah berfirman :

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala) Al-Tahrim:6

Dan FirmanNya lagi:

﴿ وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴾

Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat. As-Syu'ara:214

Selawat dan salam ke atas Rasul-Nya yang bersabda: (setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab ke atas pimpinannya, Seorang pemerintah adalah pemimpin dan bertanggungjawab untuk yang dipimpinya , seorang lelaki di rumahnya, adalah seorang pemimpin dan bertanggungjawab untuk yang dipimpinya ...), dan Baginda bersabda lagi: (yang terbaik dari kalangan kamu adalah yang terbaik terhadap keluarganya dan saya adalah yang terbaik kepada keluarga saya).

Berkeluarga dalam Islam merupakan nizam Ilahi, petunjuk dari ajaran Nabi, keperluan kehidupan insan. Kehidupan dalam rumah tangga kaum Muslimin merupakan satu ibadat yang komprehensif, Sunnah yang menjadi ikutan bahkan pendidikan yang berterusan.

Sesungguhnya rumah tangga muslim jika sah pembentukan dan persediaannya, serta betul perjalanan hidup di dalamnya mengikut nizam islami merupakan batu-bata binaan yang kuat bagi membangun masyarakat Islam yang beriltizam dengan manhaj Allah dalam kehidupan.

Dan bukan satu rekaan untuk mengatakan bahawa kerajaan Islam atau Negara Islam tidak wujud sama sekali jika tidak ada Baitul Muslim yang beriltizam dengan manhaj Islam. Sesungguhnya tidak akan soleh sesebuah masyarakat yang memperlekeh hubungan kekeluargaan. Kehidupan umat tidak akan kuat dan perkasa

sekiranya hubungan keluarga di antara mereka lemah.

Imam al-Banna rahimahullah mengatakan: (dan pembentukan sebuah Baitul Muslim adalah dengan membawa keluarganya untuk menghormati fikrah, dan mengekalkan akhlak Islam dalam semua aspek kehidupan, memilih isteri yang baik, menunaikan hak dan kewajipan, memberikan pendidikan yang sesuai bagi kanak-kanak dan pembantu, serta membesarkan mereka dengan prinsip-prinsip Islam. Itu semua adalah kewajipan ke atas diri saudara sendiri. (Risalah al-Taalim)

Adalah jelas dalam kata-kata Imam itu bahawa tugas membentuk rumahtangga Islam qudwah itu terletak di pundak al-Akh itu sendiri. Apabila dia memilih isterinya dan mula membentuk rumahtangga, maka ukhti itu akan turut sama bertanggungjawab kakaknya dalam membangunkan rumahtangga tersebut.

Namun terdapat juga peranan sokongan yang dilakukan oleh jamaah dalam penubuhan sebuah rumah Muslim melalui jawatankuasa khas, institusi, manhaj dan para murabbi dan nuqaba mereka, Tetapi peranan dan tugas mereka hanyalah dalam rangka bantuan dan sokongan, namun yang menjadi asas dalam melaksanakan tugas-tugas pembentukan rumah tangga Muslim itu adalah al-akh dan al-ukht itu sendiri, seperti yang digariskan oleh Imam al-Banna .:

- Untuk membawa keluarganya agar menghormati fikrahnya.
- Mengekalkan adab-adab Islam dalam semua aspek kehidupan di rumah.
- Pemilihan isteri yang baik, serta mendidiknya mengetahui akan hak dan tanggungjawabnya.
- Mendidik anak-anak dan pembantu dan membesarkan mereka dengan prinsip-prinsip Islam.

Di sini kita akan memberi tumpuan kepada tugas-tugas para murabbi dan nuqaba dalam mengaktifkan Projek Baitul Muslim, sebagai salah satu dari kewajipan usrah yang dikendalikan olehnya. Tidak syak lagi bahawa murabbi yang cemerlang menyumbang kepada pemantapan program Baitul Muslim melalui program usrah dan pelaksanaan manhaj tarbiah marhalah.

Tugas Murabbi dalam Projek Baitul Muslim:

1. Hendaklah murabbi itu menjadi model dan qudwah dalam berumahtangga kepada ahli-ahli usrahnya. Samaada dari sudut memilih pasangan atau didikan kepada anak-

anak, dalam menggerakkan keluarga untuk membantu jamaah dan menjayakan objektifnya, begitu juga dalam mengukuhkan intima kaum keluarga kepada dakwah. Saya percaya bahawa kejayaan para murabbi dalam mentarbiah ahli keluarga di jalan dakwah merupakan langkah pertama untuk menjayakan dan mengaktifkan projek Baitul Muslim terhadap ahli-ahli usrah yang berada di bawah asuhan mereka.

2. Hendaklah dia membantu saudara-saudaranya dalam usaha mendirikan rumahtangga agar membuat pilihan yang betul. Murabbi hendaklah mendidik mereka agar mengambil kira asas-asas yang syar'ie dalam pemilihan seorang isteri. Ini memerlukan keterbukaan murabbi terhadap ahli usrah, bermuayasyah yang sebenar, mengetahui realiti dan keadaan hidup mereka dari sudut sosial dan ekonomi, begitu juga memahami kehendak dan aspirasi mereka. Dengan itu akan menjadi mudah untuk beliau membantu mereka dalam membuat pilihan yang tepat.

3. Murabbi hendaklah mengkhususkan satu sesi tetap dalam liqa usrah (minimum dua kali sebulan), di mana beliau melakukan mutabaah berkaitan keadaan rumahtangga ahli usrahnya, bagi membincangkan bagaimana cara untuk menaik taraf Baitul Muslim di jalan dakwah. Dan sekiranya ada beberapa perkara yang memerlukan perbincangan lanjut atau membincangkan isu berkaitan di salah sebuah rumah ahli usrahnya maka beliau mestilah mengambil berat mengenainya dan duduk bersama secara bersendirian dan membincangkan kesnya secara terperinci dan membantunya dalam mengatasi dan menyelesaikan masalah.

4. Murabbi hendaklah mengawasi pelaksanaan program ziarah dua hala di antara rumah-rumah ahli usrah dalam suasana kekeluargaan yang terbuka untuk mengukuhkan ta'aruf, persefahaman, hubungan, ikatan dan perkongsian pengalaman, kepakaran dan kerjasama untuk menyelesaikan masalah.

5. Murabbi hendaklah menjayakan rukun takaful dalam kalangan ahli usrahnya di peringkat rumahtangga, di mana usrah dalam jamaah ini menjadi tunggak kepada pengukuhan institusi keluarga ahli. Para isteri saling bertakaful bersama-sama dalam mengatasi keperluan, meraikan peristiwa dan krisis. Di sinilah para naqib usrah berperanan menjadi penghubung dan pembantu untuk rumahtangga ahli-ahlinya..

6. Murabbi juga hendaklah menguruskan rehlah keluarga untuk ahli-ahli usrahnya (sekurang-kurangnya dua kali setahun), untuk menguatkan perhubungan antara rumah-rumah (ibu bapa - ibu - anak-anak). Program-program sosial seperti ini mempunyai kesan tarbiah dan dakwah yang sangat kuat kepada rumah tangga kita, dan ia juga mempunyai implikasi bagi mengukuhkan intima isteri dan anak-anak kepada dakwah di mana mereka membesar dalam takungannya.

7. Murabbi juga hendaklah melakukan mutabaah terhadap pelaksanaan aktiviti dan tugas dakwah berkenaan menjayakan Projek Baitul Muslim, seperti program (liqa keluarga bahagia - Penjagaan etika dan adab Islam dalam semua aspek kehidupan - Tugas para suami membantu isteri dalam urusan rumah dan dakwah - Memastikan anak-anak ahli usrah hadir ke program dakwah sama ada program kanak-kanak, remaja lelaki dan perempuan, pelajar dan lain-lain.)

8. Murabbi hendaklah memantau keluarga ahli usrah untuk mengaktifkan peranan dalam berkomunikasi dengan saudara-mara, jiran dan rakan sekerja atau teman belajar.

Murabbi juga memantau penyertaan ahli keluarga dalam program-program komuniti, dan bersifat terbuka kepada masyarakat untuk bersama menyebarkan kebaikan di kalangan anggotanya.

9. Murabbi hendaklah menggalakkan keluarga ahli usrah memanfaatkan acara-acara keagamaan, kebangsaan, dan sosial untuk mencapai matlamat Baitul Muslim, sebagai satu peluang seperti memanfaatkan kedatangan

Ramadan untuk mengukuhkan aspek keimanan dan ibadah ahli-ahli Baitul Muslim. Begitu juga memanfaatkan cuti seperti Hari Raya Eidulfitri dan Eidul Adha di lingkungan sosial seperti kaum kerabat, jiran-jiran dan lain-lain. Dan murabbi hendaklah menentukan bagi setiap keluarga berapakah jemputan dakwah yang perlu disampaikan kepada masyarakat sekitar demi menguatkuasakan konsep membimbing masyarakat atau irsyadul mujtama'.

10. Murabbi mestilah terlibat sama dengan daerah dalam melaksanakan beberapa kursus khas di peringkat daerah di mana para pesertanya adalah para isteri-isteri, anak-anak dan untuk mereka mengambil bahagian (bergantung kepada sasaran). Contohnya seperti; kursus dalam membesarkan anak-anak - kursus dalam ekonomi rumahtangga - kursus dalam masalah remaja - sesi untuk kecemerlangan akademik dan lain-lain.

Kesimpulannya, peranan murabbi adalah tersangat penting dalam membantu proses menjayakan Projek Baitul Muslim, tetapi perlu diingat bahawa peranan murabbi tetap sebagai pembantu, adapun tugas utama adalah terletak di atas bahu al-akh dan isterinya dalam membangunkan Baitul Muslim ini.

﴿ ربنا هب لنا من أزواجنا وذرياتنا قرّة أعين واجعلنا للمتقين إماما ﴾

“Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa. Al-Furqan:74

Dan Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam





Ustazah Kamaliah Nordin
JK Pemantapan Keluarga Ahli

KELUARGA SEJAHTERA TERAS PEMBINAAN NEGARA RAHMAH

Keluarga adalah institusi yang sangat penting kepada pembangunan masyarakat dan negara. Malah keluarga merupakan elemen penting dalam dakwah kerana keluarga adalah tapak asas dalam pembinaan individu dan saff dalam menuju astizah lil'alam. Dakwah Rasulullah ﷺ dalam keluarga telah memberi qudwah yang jelas kepada kaum muslimin mengenai kepentingan mengujudkan keluarga yang penuh cinta dan damai. Namun, pelbagai isu keluarga telah timbul dalam masyarakat setempat, seperti pengabaian, penderaan dan masalah komunikasi antara ahli keluarga. Dalam keadaan begini, maka sangatlah penting IKRAM melaksanakan langkah-langkah bersepadu untuk memastikan perkara sebegini tidak menular masuk ke dalam keluarga ahli.

Membangunkan keluarga yang sejahtera adalah satu proses yang lakukan bersama oleh semua ahli dalam keluarga. Suami sebagai pemimpin rumahtangga perlu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ke atasnya seperti memberi nafkah, melindungi dan memelihara seluruh ahli keluarganya. Wanita sebagai rakan kongsi (partner) rumahtangga, berperanan sebagai pengurus rumahtangga, melaksanakan hak dan tanggungjawab untuk memelihara, mendidik dan merawat anak-anaknya. Namun yang paling utama ialah melaksanakan perintah Allah ﷻ seperti dalam firmanNya yang bermaksud,

“Wahai orang-orang yang beriman, jagalah diri dan keluarga kalian dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu...” (At-Tahrim: 6)

Setiap keluarga akan melalui kitaran perkembangan dan akan menghadapi pelbagai isu sehingga boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga. Namun, yang paling malang ialah sekiranya anugerah Allah ﷻ, yang menjadi tanda kebesaran Allah ﷻ, seperti dalam surah Ar Rum : 21 tidak dapat di kecapi oleh sesebuah keluarga.

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu, isteri-isteri(pasangan) dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.” (surah Ar Rum : 21)

Ayat ini juga menunjukkan bahawa asas bagi sebuah


negara rahmah adalah meluasnya suasana rahmah dalam keluarga. Interaksi antara ahli keluarga akan berlandaskan rahmah dan ahli keluarga akan terdidik dengan uslub rahmah.

Memandangkan peri pentingnya kesejahteraan keluarga ahli IKRAM dalam pembangunan dakwah dan saff, Jawatankuasa Pemantapan Keluarga Ahli IKRAM (JK PeKA) telah melaksanakan satu kajian bagi menentukan indeks kesejahteraan keluarga IKRAM (IKKI). Indeks ini boleh memberi gambaran secara umum perihal kedudukan kesejahteraan keluarga ahli.

Lapan domain dan lima indikator telah dikenal pasti sebagai elemen-elemen yang dapat memberi gambaran kesejahteraan keluarga IKRAM .

Dapatan Kajian

i. Skor Lapan Domain IKKI



Rajah 1.0. : Skor Lapan Domain Kesejahteraan Keluarga ahli Ikram (IKKI)

Pencapaian indeks kesejahteraan secara keseluruhannya ialah 7.27. Daripada Rajah di atas, ternyata ahli IKRAM mengambil berat hal kesihatan keluarga dengan pencapaian indeks hampir 8.0, manakala Kerjaya, Keluarga dan Dakwah, merupakan satu cabaran, di mana skornya di anggap rendah iaitu 6.84. Walau bagaimanapun, Keselamatan Keluarga mencatatkan skor paling rendah (kurang 6.0) dan memerlukan perhatian yang serius.


ii. Skor Indikator IKKI

Daripada lima belas indikator kesejahteraan keluarga dalam kajian ini, dua indikator mendapat skor yang terendah iaitu Masa Bersama Keluarga(6.75) dan Tindakan Kecemasan Keluarga(6.11). Tiada perbezaan signifikan antara ikhwah dan akhwat dalam skor kedua-dua indikator ini.

Usaha untuk memberi masa dan fokus yang lebih baik kepada keluarga memerlukan perhatian yang serius. Kesejahteraan keluarga mudah menjadi lemah, sekiranya masa untuk bersama antara suami isteri atau ibu bapa dan anak-anak kekal pada tahap yang rendah, kerana pembentukan suasana keluarga rahmah yang dapat memupuk rohani dan emosi sejahtera mungkin terjejas.

Keluarga ahli IKRAM juga kurang bersedia untuk mengambil tindakan-tindakan yang perlu semasa kecemasan. Dengan giatnya kejadian jenayah dan banyaknya kemalangan dalam rumah yang berlaku hari ini, perkara ini perlu dipertingkatkan. Tambahan pula aktiviti mingguan IKRAM memerlukan ibu bapa dan anggota keluarga meninggalkan rumah sama ada di waktu siang mahu pun di waktu malam.

iii. Skor mengikut umur ahli.




Rajah 2.0: Skor mengikut umur

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan kesejahteraan ahli IKRAM berbeza mengikut usia. Ahli yang berusia muda dalam golongan 20 - 30 tahun memperoleh skor indeks kesejahteraan yang terendah (7.01). Skor kesejahteraan bertambah bersama meningkatnya usia. Pada usia antara 31-40 tahun skor kesejahteraan meningkat kepada 7.08 dan melompat pada nilai 7.35 pada usia 41-60 tahun dan kekal hingga usia mencapai 60 tahun. Skor kesejahteraan IKKI terus meningkat ke tahap 7.60 pada usia ahli melewati 60 tahun.

iv. Skor Mengikut Tempoh Perkahwinan

Trend skor kesejahteraan keluarga mengikut umur juga adalah konsisten dengan pencapaian skor kesejahteraan mengikut tempoh perkahwinan seperti yang dipaparkan dalam gambar rajah di bawah.



Rajah 3.0. Skor mengikut tempoh perkahwinan

Ternyata umur perkahwinan antara 5-10 tahun adalah yang paling kurang sejahtera, di mana skornya adalah hanya 6.87, sebelum ianya menunjukkan trend peningkatan. Ini bermakna rumahtangga yang tempoh perkahwinannya antara 5-10 tahun mungkin mengalami tekanan-tekanan yang hebat dan perlukan perhatian khusus.

Implikasi kajian dan cadangan langkah pembaikan

Tarbiah IKRAM menjurus kepada satu cara hidup yang diwarisi dari junjungan mulia Nabi Muhammad Rasulullah ﷺ, para sahabatnya dan pengikutnya. Ia juga diwarisi melalui para pejuang dan ulama' sejak dahulu. Melaluinya, setiap ahli dipersiapkan secara sedar agar berusaha dan menyumbang tenaga, wang ringgit dan masa demi mencapai sebuah Negara Rahmah.

Salah satu syaratnya ialah kebahagiaan keluarga yang menjadi pemboleh kepada pelaksanaan dakwah yang cemerlang dan seterusnya terbentuknya Negara Rahmah. Namun, kesejahteraan keluarga ahli IKRAM hanya dicatatkan sebagai sederhana (7.27).

Justeru, tindakan bersepadu harus diambil oleh semua pihak, baik secara individu mahupun jamaai, untuk memastikan tahap kesejahteraan keluarga IKRAM ialah pada tahap yang dapat memlicinkan pelaksanaan dakwah dan bukannya membentutnya dengan pelbagai masalah.

Fokus utama perlu diberi kepada isu keseimbangan antara kerjaya, dakwah dan keluarga, masa bersama keluarga, keselamatan keluarga dan juga kelaurga-keluarga muda.

Adalah dicadangkan pihak IKRAM melalui agensinya mengambil langkah pro-aktif mencari jalan yang sesuai untuk benar-benar mewujudkan mitigasi kepada persoalan perseimbangan antara kerjaya, keluarga dan dakwah.

Polisi jelas yang menyokong masa bersama keluarga dan bersepadu dengan keperluan lain dalam organisasi diperlukan bagi tujuan tersebut. Polisi ini juga boleh melibatkan penghasilan manual pengurusan masa IKRAM yang meliputi panduan menguruskan



Dr Azizah Mohd Radzi,
Unit Manhaj IKRAM Pusat

SILIBUS BAITUL MUSLIM DALAM MANHAJ

Ketika menjelaskan Rukun Amal, Hasan Al Banna menyebut “Tahap-tahap pembangunan umat dilaksanakan dengan beransur-ansur, dimulai dari individu muslim, keluarga muslim, masyarakat muslim, pemerintahan Islami, kemudian daulah Islamiyah alamiyah atau khilafah Islam dan kepimpinan dunia. Apabila pembentukan individu dilaksanakan dengan baik, maka tahapan berikut juga akan menjadi kukuh. Menjadi sebuah kewajipan bagi seorang muslim untuk membangun keluarga muslim qudwah yang menerapkan Islam dalam semua aktiviti dan aspek kehidupan berkeluarga. Keluarga merupakan batu asas bagi bangunan kukuh, tiada lain yang dapat menggantikan kedudukannya dalam membangunkan sebuah masyarakat”. Tidak pernah tergambar bahawa terdapat sebuah masyarakat muslim yang mulia menegakkan prinsip Islam, padahal rumah tangga dan keluarganya lemah dan asasnya serta corak kehidupan jauh dari manhaj Allah ﷻ.

Hasan Al Banna juga melanjutkan, “Islam telah meletakkan asas yang kukuh, memberi panduan supaya tepat dalam memilih pasangan, menjelaskan cara-cara terbaik dalam mengukuhkan ikatan, menentukan hak-hak dan kewajipan, mewajibkan kedua pihak merawat hasil pernikahan hingga matang tanpa terganggu. Islam juga menunjukkan cara rawatan yang tepat dan cermat bagi sebarang permasalahan yang mungkin timbul dalam kehidupan seharian”.

Bagi menjayakan visi, melaksanakan misi IKRAM, Unit Manhaj di bawah Jawatankuasa Tarbiah Pusat telah menyusun silibus khusus (perkara dasar, prinsip-prinsip serta falsafah) pembinaan baitul muslim atau rumah tangga Islam, berdasarkan objektif yang ingin dicapai mengikut marhalah tarbiah:

1. Memahami bahawa mendirikan baitul muslim merupakan tuntutan Islam, mengetahui asas-asas syariat dalam membinanya serta mengetahui ciri-ciri khusus baitul muslim qudwah
2. Komitmen terhadap prinsip syariah dalam membangun baitul muslim:
 - a. Membangun baitul muslim daripada pasangan suami-isteri yang soleh, berlandaskan ketakwaan kepada Allah ﷻ
 - b. Masing-masing pasangan memahami hakikat kebahagiaan rumah tangga
 - c. Kedua-duanya saling menunaikan kewajipan dan bekerjasama dalam melaksanakan tugas terhadap pasangan masing-masing
 - d. Berusaha mewujudkan suasana mawaddah dan rahmah, dan dari semasa ke semasa menyubur-


- kan dan meningkatkan pergaulan yang baik
- e. Berusaha untuk mencegah berlaku permasalahan rumah tangga
- f. Cekap dalam menyelesaikan persoalan dan konflik keluarga, jika berlaku
3. Kemampuan ibu-bapa dalam mentarbiah anak-anak dan pembantu serta membesarkan mereka dengan prinsip Islam:
 - a. Berusaha untuk mewujudkan suasana Islam serta menanamkan komitmen terhadap adab-adab dan etika Islam dalam setiap aktiviti kehidupan
 - b. Membentuk keperibadian muslim secara syumul melalui pembinaan 10 muwasofat muslim
 - c. Mampu berinteraksi dengan anak-anak secara baik di setiap fasa pertumbuhan dengan tetap memperhatikan ciri-ciri setiap fasa
 - d. Menggunakan cara tarbiah yang berkesan terhadap anak-anak peringkat umur berbeza
 - e. Mampu mengatasi sebarang masalah yang dihadapi semasa mentarbiah mereka
4. Menjalankan peranan sosial dalam rumah tangga:
 - a. Mendorong ahli keluarga untuk menghormati fikrahnya
 - b. Berusaha memastikan ahli keluarga berada dalam susunan tarbiah serta terlibat aktif dalam aktiviti dakwah bersama
 - c. Menggali dan mengembangkan potensi mereka
 - d. Menjaga adab-adab Islam dalam segenap aspek kehidupan keluarga
 - e. Menghidupkan aktiviti keluarga dalam nuansa Islam bagi mewujudkan persekitaran Rabbani
5. Mendidik anak-anak agar mampu berperanan dalam masyarakat:
 - a. Mengajar dan melatih mereka untuk menjalin hubungan yang baik dengan ibubapa, saudara perempuan-lelaki, kerabat, jiran, kawan-kawan dan lain-lain) serta menunaikan hak-hak mereka
 - b. Membekalkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan dalam menjalinkan ikatan tersebut

Mentauzif mereka sesuai potensi dan kecenderungan ke medan amal

- c. Menjadikan keluarga sebagai media penyebaran dakwah dengan melibatkan mereka bersama
6. Memberikan perhatian terhadap pembangunan wanita agar dapat menyumbang ke arah pembinaan

sambungan dari m/s 9

- generasi, pembentukan keluarga justeru melahirkan masyarakat bahagia. Mereka juga dibekalkan dengan ilmu kontemporari dan fiqh semasa di samping meningkatkan kecerdasan intelek dan emosi
7. Melindungi keluarga daripada pengaruh negatif samada dari dalam atau luar, yang boleh meretakkan institusi rumah tangga:
 - a. Mengetahui dan mengawasi perancangan musuh dalam merosakkan institusi rumah tangga
 - b. Memeliharanya daripada anasir yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam
 8. Mengurus ekonomi rumah tangga dengan baik:
 - a. Mencari rezeki yang halal dan baik serta menghindari yang haram lagi buruk
 - b. Membudayakan syura dalam berbelanja untuk memastikan pengeluaran tidak melebihi pendapatan
 - c. Menanamkan budaya berjimat cermat dalam pengurusan kewangan, menabung dan mencukupkan diri dengan perkara yang utama



- d. Memperhatikan hak Allah ﷻ dalam pengeluaran zakat pada waktunya
- e. Mengawal perbelanjaan yang berlebihan, memerangi sikap boros dan kebiasaan berhutang kecuali pada masa darurat

Sesungguhnya silibus yang disusun bukanlah program untuk disampaikan melalui wasail tarbiah semata-mata tetapi untuk dilaksanakan sehingga terlahir sebuah rumah tangga ideal. JK PeKa (JK Pemantapan Keluarga Ahli) juga melaksanakan program-program melalui pendekatan praktikal melalui sesi daurah, bengkel dan kaunseling, mengenal pasti permasalahan rumah tangga, mencadangkan cara-cara rawatan, melakukan penyelidikan dan kajian tahap kesejahteraan rumah tangga serta merancang strategi ke depan bagi membangun dan memantapkan keluarga solehah dan sejahtera. Keluarga solehah adalah asas kegemilangan dakwah.

Semoga manhaj ini juga dapat dimanfaatkan untuk membina seluruh rumah tangga Islam dalam masyarakat melalui kaedah yang bervariasi, sesuai dengan kefahaman dan penerimaan masyarakat umum. Semua ini

sambungan dari m/s 8

masa usrah, mesyuarat dan aktiviti agar ahli mempunyai masa untuk bersama keluarga mereka secara munasabah. Komitmen ini mestilah dilaksanakan oleh semua ahli dan tidak memandang masa bersama keluarga sebagai satu perkara yang remeh. IKRAM harus ada polisi mesra keluarga (family friendly) dalam susuknya, dan diikuti dalam semua perancangan, program dan aktiviti.

Isu keselamatan keluarga perlu juga mendapat perhatian. Sebagai sebuah pertubuhan yang memberi perhatian kepada pembangunan ahli, IKRAM mestilah memberi tumpuan kepada aspek keselamatan keluarga ahli. Berkaitan dengan soal pengurusan masa, hal keselamatan keluarga juga ada hubungan dengan ahli IKRAM yang terpaksa meninggalkan rumah kerana pelbagai komitmen dan tanggung jawab yang di amanahkan.

Adalah dicadangkan IKRAM mengeluarkan satu polisi bersepadu mengenai keselamatan keluarga yang

mengandungi panduan mengenai kecemasan, manual mendepani kecemasan, dan nombor hotline kecemasan keluarga yang boleh dicapai oleh semua ahli IKRAM sama ada mengikut daerah, negeri mahu pun pusat.

Rancangan IKRAM 2015 dan ke hadapan telah menggariskan pelbagai harapan kepada golongan muda IKRAM. Tenaga 'orang muda' selalunya dilihat sebagai tenaga yang bergerak maju dan penuh dengan kemungkinan potensi yang sangat baik. Namun, mereka yang berumur di bawah 40 tahun dan berkahwin di bawah 10 tahun merekodkan tahap kesejahteraan yang rendah. Dari itu keluarga muda juga perlu diberi perhatian dan bimbingan sebaiknya oleh semua pihak.

Walaupun para bapa mempunyai peranan yang penting dalam pendidikan anak-anak serta bertanggung jawab terhadap hala tuju, namun tidak dapat dinafikan, peranan para ibu sangat diperlukan dan sungguh bermakna dalam mengasuh anak-anak, kerana sifat keibuan yang telah di anugerah

Allah ﷻ kepada kaum wanita. Justeru, ibu muda yang terlibat aktif di dalam program IKRAM perlu diberi peluang seluasnya juga untuk fokus kepada mendidik dan mengasuh anak kecil.

Penutup

IKRAM membawa satu gagasan masyarakat menuju Negara Rahmah. Namun perlulah ditekankan di sini bahawa sekiranya gagasan ini ingin dilaksanakan dengan jayanya dalam masyarakat dan negara, maka tidak dapat dinafikan bahawa ianya bermula di rumah, dalam keluarga masing-masing. Ahli keluarga IKRAM perlu merasai keluarga mereka diselubungi rahmah, kasih sayang, saling faham memahami, saling percaya mempercayai dan saling bantu membantu dalam pelaksanaan peranan dan tanggungjawab, baik dalam keluarga dan rumah tangga mahupun dalam dakwah. Dari itu IKRAM dan ahlinya perlu memberi fokus yang lebih serius kepada kesejahteraan keluarga dalam polisi dan pelaksanaan program dan aktiviti.



KELUARGA AL BANNA



*Ustazah Maznah Daud,
Naib Ketua Wanita IKRAM*

Antara warga Ismailiyyah yang menyahut seruan dakwah Ikhwan Muslimin ialah sebuah keluarga mulia yang dikenali dengan keluarga as-Souli. Mereka terdiri dari peniaga yang berpendapatan sederhana. Keluarga ini juga termasuk dalam golongan beragama atau mutadayyinah dan memberikan penekanan agama dalam pendidikan anak-anak.

Ibu ISHAB sering menziarahi keluarga ini. Suatu kali, ketika beliau menziarahi keluarga ini di waktu malam, beliau terdengar suara merdu mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran. Beliau sangat kagum dengan kemerduan suara itu lantas bertanya dari mana datangnya suara itu? Beliau diberitahu bahawa itu suara fulanah sedang solat.

Pulang ke rumah, beliau memberitahu puteranya bahawa gadis solehah itulah yang layak untuk menjadi isterinya. ISHAB menerima cadangan ibunya. Dan itulah wanita solehah yang menjadi ibu kepada anak-anaknya, yang berkongsi suka duka, senang susah di sepanjang jalan dakwah. Wanita solehah yang terpilih menjadi teman kepada lelaki yang hebat sudah pasti memiliki ciri-ciri mulia yang selayaknya.


Puterinya menyifatkan ibunya sebagai insan yang selalu mendahulukan kepentingan dakwah daripada kepentingan diri dan rumahnya. Beliau berkata: "Ibu menjaga kami dengan sebaik-baiknya. Beliau menyediakan suasana rumah yang selayaknya untuk menyambut kepulangan ayah yang penat memikul beban dakwah dan pekerjaannya supaya bila ayah pulang dia dapat menikmati ketenangan dan kerehatan untuk beberapa saat yang singkat sahaja, kemudian terus berangkat semula ke medan dakwah.

Ketika ayah mula-mula menubuhkan Markaz Am (Ibu Pejabat) Ikhwan Muslimin, ibu dengan segala senang hati meminta supaya ayah mengambil perabot-perabot dari rumah kami untuk memakmurkan dan menghiasi pejabat. Lalu diambil daripada rumah kami permaidani, langsir, meja dan banyak lagi peralatan-peralatan lain. Aku melihat ibu sangat-sangat gembira dengan sumbangannya itu.

Selain itu, beliau menganggap setiap ahli jamaah adalah

anak-anaknya. Aku masih ingat ketika seorang ukhti datang mengadu kepadanya tentang suaminya, ibu melayaninya dan berbincang dengannya seolah-olah beliau adalah ibu kepada ukhti itu dan pada masa yang sama beliau juga bertindak sebagai ibu mertua. Beliau bertanya ukhti tersebut, apa yang kamu telah lakukan terhadap anakku (suami ukhti itu) sehingga dia melayan kamu begitu rupa?

"Sesungguhnya dia benar-benar berkongsi rasa dengan seluruh ahli Ikhwan, suka dan duka mereka."



Isteri yang solehah pendamping kepada suami yang soleh. ISHAB merupakan ketua keluarga yang mithali. Beliau tidak pernah cuai dalam menjaga dan mendidik anak-anaknya dan sentiasa mengambil berat terhadap segala urusan yang berkaitan dengan mereka. Beliau menyediakan sebuah buku catatan khas tentang setiap orang anak-anaknya. Ditulis dengan tangannya sendiri tarikh lahir, nombor sijil kelahiran, tarikh mula beri makan dan lain-lain.

Semua itu disimpan bersama dengan kad-kad kesihatan, tarikh pemeriksaan, waktu sakit dan waktu waktu sembuh dari sakit juga sijil-sijil pengajian dengan diselitkan komentar-komentarnya.

Puterinya, Thana' berkata: "Ketika ayah pulang ke rumah pada waktu malam, jika beliau mendapati kami telah tidur, beliau akan menghampiri setiap orang daripada kami, membetulkan selimut kami dan mengucup kami. Malah kadang-kadang beliau membangunkan salah seorang daripada kami dan menemaninya ke bilik air.

Beliau sangat pemurah dengan anak-anaknya. Beliau memberikan duit belanja harian kepada setiap orang sebanyak tiga qurusy. Kepada anak lelaki tunggalnya Saiful-Islam beliau memberikan elaun bulanan sebagai tambahan sebanyak 50 qurusy untuk membeli buku dan membuat perpustakaan khas untuknya. Dan beliau memantau setiap apa yang dibaca oleh anak-anaknya meskipun terlalu sibuk dengan urusan dakwahnya.

Uslubnya dalam mendidik anak-anak adalah dengan

bersambung di m/s 12



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT
- PERTUBAHAN IKRAM MALAYSIA -

Penaug

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

Ketua Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

Penulis Kehormat:

- Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad
- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

Penulis Tamu:

- Ustazah Kamaliah Nordin
- Dr Azizah Mohd Radzi
- Ustazah Maznah Daud

Pengurus/Susunatur/Grafik
Hanafi Sudi@Yusoff

Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiyah Pusat,
Pertubuhan IKRAM Malaysia
(IKRAM),
Tel + 603 - 8945 6999,
. + 603 - 8945 3666
Fax +603 - 8945 1772
tarbiatuna.ikram@gmail.com

Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd
Tel: 03-9076 6311
Fax: 03-9075 4311
mashipublication@yahoo.com

SEBAHAGIAN AKTIVITI KITA



Mukhayyam Tarbawi Nasional



1- 3 Mei 2015, Skudai. Program yang dilaksanakan selama 3 hari ini di hadiri oleh wakil-wakil tarbiah dari peringkat daerah dan negeri. Dengan pengisian yang mantap, adalah diharapkan supaya para peserta dapat memanfaatkan wasiliah tarbiah ini untuk di bawa pulang ke tempat masing-masing untuk di jelmakan dalam bentuk amal.

sambungan dari m/s 11

cara memberi peringatan secara tidak langsung. Beliau pernah memberitahu anaknya Saiful-Islam bahawa memasuki panggung wayang adalah sesuatu yang tidak sesuai dengan seorang muslim. Maka Saiful-Islam tidak pernah memasukinya langsung. Beliau juga memantau setiap aktiviti yang dilakukan mereka. Suatu ketika, Saiful-Islam membeli novel asing tentang kisah cinta. Beliau tidak melarangnya membaca novel itu. Sebaliknya beliau menggantikannya dengan novel-novel yang lebih baik yang mengisahkan tentang pahlawan-pahlawan Islam yang terbilang.

Di dalam bulan Ramadhan, beliau duduk bersama anak-anak sebelum berbuka dan meminta anak-anaknya memperdengarkan bacaan Al-Quran kepadanya.

Beliau juga mendidik anaknya supaya mempunyai kemahiran untuk bekerja. Untuk itu beliau menghantar anak lelaki tunggalnya Saiful-Islam ke bahagian percetakan Ikhwan supaya anaknya belajar kemahiran percetakan.

Thana' menceritakan: "ketika cuti musim panas, ayah menghabiskan masa bersama Ikhwan di kawasan pendalaman atau di tepi laut. Namun beliau tidak melupakan kami

Wanita IKRAM memacu Islah



17-19 Mei 2015, Klang. Muktamar Nasional Akhawat Ahli Aktif telah di adakan di Hotel Goldcourse, Klang bersama para hadirin dari pelusuk tanahair. Hadirin telah bersama berbincang serta berdialog bagi membina dan menyusun langkah bagi membina dan memperkasa ummah dan menuju negara Rahmah.

atau membiarkan kami tanpa perhatian.

Beliau menemani kami pulang ke rumah datuk dan pakcik-pakcik kami supaya kami bercuti bersama mereka, menikmati kehijauan kebun dan ladang. Di situ, abangku Saiful-Islam menjalani senaman menunggang kuda."

ISHAB juga sangat memuliakan ahli keluarga isterinya. Beliau berusaha mengenali ahli keluarga, kaum kerabat dan semua yang ada hubungan dengan isterinya serta menziarahi mereka. Beliau juga melayani pembantunya seperti ahli keluarga sendiri. Disediakan katil dan almari baju khusus sama seperti anak-anaknya. Di waktu petang, dia menyuruh anak perempuannya Wafa' mengajar pembantunya membaca, menulis dan solat. Selepas pembantu berhenti kerana berkahwin, beliau tetap menziarahinya.

Thana' menceritakan: "Aku masih ingat, suatu hari aku melayani pembantu dengan cara yang tidak sepatutnya. Ayah memahamkan aku bahawa apa yang aku lakukan itu salah kerana pembantu adalah saudaraku dalam Islam. Maka hukuman ke atasku ialah beliau mengambil sebatang pensel dan memukul tanganku. Itu sudah cukup untuk aku merasai bahawa dia benar-benar marah dan ia merupakan pengajaran yang aku tidak lupa sepanjang hayatku.

